

28/03/2001

Pata 2001: Persiapan swasta mengecewakan

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, masih tidak berpuas hati dengan persiapan syarikat swasta, terutama hotel dan pusat beli-belah, menjelang Persidangan Persatuan Pengembara Pasifik dan Asia (Pata) 2001 bulan depan.

Beliau berkata, kerajaan sudah mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk menyambut ketibaan peserta Pata, tetapi sehingga kini pihak terbabit tidak menghias atau mengindahkan premis masing-masing.

"Persidangan seperti ini memberi pulangan yang besar kepada sektor swasta, justeru wajar mereka membantu kerajaan menghiaskan premis masing-masing dengan lampu dan perhiasan berwarna-warni," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Forum Pelancongan Apec kedua dan Persidangan Tahunan Pata ke-50 di kementeriannya, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Ng Yen Yen; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Tengku Alauddin Tengku Abdul Majid; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Shariff; Ketua Pengarah Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia (LPPM), Abdullah Junid dan Setiausaha Pelancongan kementerian, Shahril Saat.

Forum Pelancongan APEC Kedua akan diadakan pada 7 April manakala Persidangan Pata berlangsung selama lima hari bermula 8 hingga 12 April di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Kira-kira 1,200 peserta akan menyertai persidangan Pata ke-50 yang dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Kadir berkata, jika di negara lain, perbelanjaan untuk penganjuran acara besar untuk pelancongan terpaksa ditanggung pihak swasta tetapi di Malaysia, kerajaan yang berbuat demikian.

Sehubungan itu, katanya wajarlah syarikat swasta membantu kerajaan menghiaskan premis masing-masing untuk menjadikan Malaysia indah dan bersih terutama ketika acara besar berlangsung di negara ini.

Beliau berkata, selepas Persidangan Pata, kerajaan akan menganjurkan Pesta Air pada Mei; Bulan Citrawarna (Jun), Fiesta Makanan dan Buah-Buahan (Julai) dan Karnival Beli-Belah serta Bulan Kemerdekaan (Ogos).

"Kalau boleh hotel dan pusat beli-belah menghiaskan premis mereka mengikut tema dan acara yang berlangsung sepanjang tahun," katanya.

Ditanya kemungkinan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat boleh menjejaskan sektor pelancongan di negara ini, Abdul Kadir berkata:

"Oleh kerana sektor pelancongan di negara ini tidak bergantung kepada jumlah kedatangan pelancong dari Amerika Syarikat maka industri ini akan terus unggul kerana kebanyakan pelancong adalah dari rantau Asia seperti China, Taiwan, Jepun dan Timur Tengah."

Beliau berkata, Malaysia mampu menarik sehingga 15 juta pelancong kerana mempunyai infrastruktur yang lengkap.

(END)